

PENGETAHUAN MAKNA PERIBAHASA DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Ahmad Mahmood Musanif, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Hjh Nor Azuwan
Yaakob & Norizan Che Su
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan makna peribahasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan membincangkan tahap pengetahuan dan maknanya mengikut jantina. Seramai 847 orang pelajar sekolah dipilih sebagai responden. Data kajian dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif menggunakan Teori Konstruktivisme. Hasil kajian mendapati pelajar sekolah mempunyai pengetahuan peribahasa yang berkisar di sekitar kehidupan mereka iaitu peribahasa yang selalu diajarkan di sekolah dan peribahasa yang sering diungkapkan dalam kehidupan seharian. Aspek abstrak yang terkandung dalam peribahasa belum diketahui secara mendalam dan menyeluruh kerana kurang kajian tentangnya. Hasil Ujian t pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($t=-9.570$, $p=0.000$) dari segi pengetahuan peribahasa dan makna peribahasa antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan yang dikaji. Pengetahuan peribahasa dan makna peribahasa dalam kalangan pelajar lelaki didapati lebih tinggi (min 1.74) berbanding pelajar perempuan (min 1.73). Oleh yang demikian pelajaran peribahasa harus diajar dalam setiap kemahiran bahasa supaya pelajar dapat meningkatkan pengetahuan mereka tentang makna peribahasa untuk diaplikasikan dalam wacana penulisan mereka, sekali gus meningkatkan keterampilan berbahasa dalam kalangan pelajar.

Abstract

This paper aims to identify the knowledge of proverbs and its meaning among secondary school students and discuss the level of knowledge between genders. A total of 847 school students were selected as respondents. Data were analyzed quantitatively and qualitatively using the theory of constructivism. The study found that students have knowledge of proverbs that their lives revolve around the proverbs that are always taught at school, and proverbs are often expressed in everyday life. Abstract aspects contained in the proverb, was not known for lack of comprehensive review of it. The T-test results showed a significant difference ($t = -9,570$, $p = 0.000$) in terms of knowledge of the meaning of proverbs and idioms of boys to girls being studied. Knowledge of the meaning of proverbs among boys was higher (mean 1.74) than girls (mean 1.73). Thus proverbs have to be taught in each language skills so that students can improve their knowledge of the proverbs and its meaning and able to applied as part of discourse in their writing, thereby improving language skills among students.

Pengenalan

Peribahasa mencerminkan peraturan-peraturan, nilai-nilai, dan kehendak-kehendak masyarakat Melayu silam. Apa-apa yang dilahirkan melalui peribahasa itu adalah berupa nasihat, menyatakan adat istiadat dengan pelbagai ragam bahasa yang tinggi dan bernilai sastera. Sehubungan dengan itu peribahasa boleh dijadikan elemen penting dalam membentuk jati diri pelajar dan seterusnya membangunkan minda dalam kalangan pelajar. Lebih penting lagi pelajar pula harus menyedari kepentingan menganuti sistem nilai yang menunjangi kehidupan masyarakat Melayu khasnya dan masyarakat Malaysia amnya. Segala sistem nilai ini perlu diterima dan diamalkan secara bersama.

Bertitik tolak daripada sini, Kurikulum Bahasa Melayu (2003) menyediakan murid menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Dengan yang demikian murid mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Sejalan dengan itu dalam bahagian Tatabahasa (V) Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah, peribahasa diajarkan sebagai sebahagian daripada tatabahasa. Pelajaran peribahasa seperti simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan dan perbilangannya serta kata-kata hikmat dan bahasa kiasan diajarkan dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Serentak dengan itu, pemilihan peribahasa dan bahasa kiasan haruslah mengutamakan falsafah, keperibadian dan nilai murni masyarakat Malaysia. Oleh itu, peribahasa hendaklah diajarkan dalam konteks penggunaannya supaya hasil pembelajarannya, pelajar dapat melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan, dan menghasilkan penulisan kreatif dengan menggunakan kata, istilah, frasa, ungkapan, dan ayat yang betul dan gramatis. Hal ini selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani.

Sehubungan dengan itu, pembelajaran bahasa harus mementingkan pelajar memahami struktur bahasa yang boleh digunakan dalam proses pembentukan makna, (Fresko, B. and Nasser, F. (1997). Pembelajaran bahasa yang baik dalam klasifikasi bahasa itu sebagai bahasa pertama mahupun dalam bahasa kedua harus mengutamakan pengisian kritis dalam berbahasa demi menjamin bahasa itu dapat memberikan makna kepada kehidupan kita hari ini. Melalui penguasaan bahasa yang baik membolehkan pelajar melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan jenis maklumat dan imaginatif secara kreatif dan berkesan di samping menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara. Tambahan pula kemahiran bahasa yang didedahkan kepada pelajar merupakan teras kepada penguasaan bahasa baku untuk membolehkan pelajar mencapai kecemerlangan dalam berbahasa.

Pernyataan Masalah

Strategi belajar merupakan salah satu cara atau kaedah untuk membantu seseorang pelajar itu berjaya dalam pelajarannya. Pelajar yang cemerlang didapati menggunakan strategi belajar bahasa Melayu dalam aspek tatabahasa, (Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi dan Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, 2010). Kajian Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi dan Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, 2010 mendapati pelajar cemerlang setiap zon masih banyak menggunakan strategi belajar bahasa Melayu dalam mempelajari aspek bahasa. Berkaitan dengan hal ini, perlu diketahui adakah pelajar sekolah menengah yang menggunakan strategi belajar bahasa Melayu dalam mempelajari aspek bahasa turut menguasai peribahasa yang terangkum dalam aspek tatabahasa.

Sehubungan dengan itu, kajian secara terperinci tentang pengetahuan peribahasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah perlu dijalankan untuk mengetahui tahap penguasaan peribahasa.

Dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah, pelajaran peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan, kata-kata hikmat dan bahasa kiasan yang perlu diajarkan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa, kata-kata hikmat dan bahasa kiasan hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian dan nilai murni masyarakat Malaysia. Penguasaan peribahasa ini merupakan lanjutan daripada penguasaan peribahasa pada peringkat sekolah rendah. Peribahasa hendaklah diajarkan dalam konteks. Buku-buku peribahasa Melayu boleh dijadikan sumber rujukan. Persoalan di sini adakah pelajar sekolah menengah sudah menguasai peribahasa dan maknanya? Justeru kajian tentang penguasaan peribahasa dan makna perlu dikaji dengan terperinci. Selain itu adakah terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dari segi penguasaan makna peribahasa.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa merujuk kepada bahasa Melayu baku yang terdiri daripada tatabahasa, kosa kata, peribahasa, ejaan, dan sebutan dan intonasi. Aspek tatabahasa merangkumi morfologi, sintaksis dan semantik manakala aspek kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah. Kesemuanya dirancang adalah untuk mencapai matlamat kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah iaitu untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan pekerjaan. Namun setakat ini belum ada kajian yang khusus menumpu kepada penguasaan makna peribahasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah, sewajarnya satu kajian dilakukan untuk mengetahui tahap penguasaan makna peribahasa dalam kalangan pelajar.

Tambahan pula, kajian awal tentang peribahasa banyak dikaji dari sudut definisinya dan kaitan peribahasa dengan kehidupan dan pemikiran orang Melayu. Wilkinson (1907), iaitu salah seorang pegawai Inggeris di Tanah Melayu yang mengkaji hasil-hasil kesusasteraan Melayu, telah berusaha mengenal perwatakan serta sifat-sifat orang Melayu dari sudut pandangan peribahasa Melayu. Beliau berpendapat bahawa peribahasa dapat melambangkan watak dan sifat-sifat sesuatu bangsa. Sementara itu, pengkaji Melayu yang turut mengkaji peribahasa Melayu pada peringkat awal ialah Ariffin Nur (1959). Menurutnya, peribahasa mencerminkan peraturan-peraturan, nilai-nilai, dan kehendak-kehendak masyarakat Melayu silam. Apa-apa yang dilahirkan melalui peribahasa itu adalah berupa nasihat, menyatakan adat istiadat dengan berbagai-bagai ragam bahasa yang tinggi dan bernilai sastera.

Dalam tempoh dua dekad yang lalu, kajian terdahulu lebih tertumpu kepada aspek bahasa dalam peribahasa itu sendiri. Indirawati Zahid (1997)

mengkaji tentang penggunaan simbol dalam peribahasa dalam kajian beliau yang bertajuk, "Kepentingan Ikon dan Penggunaan Simbol dalam Peribahasa Melayu". Aspek diksi dikaji oleh Norashikin Mohamed (1998) dalam kajian yang bertajuk, "Diksi dalam Peibahasa Melayu", manakala Zaidah Ahmad Rosly (2001) mengkaji metonimi dalam kajian beliau yang bertajuk, "Semantik dan Pragmatik Metonimi dalam Peribahasa Melayu". Kajian yang memfokus kepada penguasaan makna peribahasa oleh para pelajar telah dijalankan oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah, (2010) dan Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan, (2010). Zaitul Azma Zainon Hamzah, (2010) mendapati penguasaan peribahasa dalam kalangan murid sekolah menengah di Selangor dan Kuala Lumpur masih sederhana manakala Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan, (2010) mendapati tahap penguasaan peribahasa dalam kalangan remaja adalah kurang memuaskan atau pada tahap lemah. Justeru melalui makalah ini penulis cuba untuk mengenal pasti tahap pengetahuan peribahasa sedia ada dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Secara umum hasil kajian ini nanti berupaya menjelaskan tahap pengetahuan peribahasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah mengikut jenis sekolah dan jantina. Kajian ini juga adalah bertitik tolak daripada pendapat J.S Badudu (2008), yang menyatakan hingga kini peribahasa masih dipergunakan, bahkan diajarkan di semua jenis sekolah, tetapi, seringkali para pengguna hanya mampu memahami kiasannya sahaja, tanpa memahami erti sebenarnya pada ayat yang dipergunakan. Sehubungan itu, satu kajian perlu dijalankan untuk mengetahui tahap penguasaan makna peribahasa sedia ada dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Berdasarkan permasalahan yang telah dikemukakan, tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengetahuan makna peribahasa sedia ada dalam kalangan pelajar sekolah menengah, membandingkan pengetahuan makna peribahasa sedia ada dalam kalangan pelajar sekolah menengah mengikut jantina.

Kepentingan Kajian

Kajian tentang penguasaan makna peribahasa dalam kalangan pelajar mempunyai kepentingannya kepada pelajar, para guru dan pengubal sukatan pelajaran bahasa. Dapatan kajian ini akan dapat menambah khazanah ilmu dalam bidang kebahasaan, bidang perancangan kurikulum, dan pendidikan bahasa. Pelajar dapat meningkatkan keterampilan berbahasa, membangunkan minda dan membentuk jati diri dalam kalangan pelajar. Pelajar juga boleh menyesuaikan strategi belajar bahasa Melayu mengikut kesesuaian diri dan konteks, manakala para guru boleh menggunakan pendekatan mengajar bahasa dengan lebih berkesan termasuk menggunakan pendekatan semantik dan pragmatik (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2010). Seterusnya kajian ini juga penting kepada semua yang terlibat dengan pendidikan bahasa bagi membantu para pelajar menguasai peribahasa dan maknanya.

Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, seramai 847 orang pelajar yang berumur antara 14 hingga 17 tahun telah dipilih sebagai responden menggunakan Teknik *Quota Sampling*. Teknik ini membolehkan pengkaji menentukan ciri responden mengikut jumlah atau kuota yang ditetapkan. Dengan perkataan lain pemilihan responden ditentukan pertimbangannya oleh pengkaji sendiri, iaitu antara 35 hingga 50 orang responden mengikut jenis sekolah. Mengikut Sekaran (2003), saiz sampel antara 30 sehingga 500 responden adalah mencukupi untuk kajian tinjauan. Selanjutnya empat jenis sekolah yang dipilih sebagai lokasi kajian ialah Sekolah Berasrama Penuh (SBPI), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Teknik (SMT), dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Pemilihan sekolah ini sebagai tempat kajian dibuat dengan mengambil kira pandangan Marshall dan Rossman (1995) iaitu tiada halangan untuk menjalankan kajian, mempunyai kemungkinan yang tinggi untuk melaksanakan proses pengumpulan data dengan baik serta wujudnya minat dan kerjasama daripada responden, berkemampuan untuk membina hubungan percaya-mempercayai dengan responden dan berkeyakinan mendapatkan data yang berkualiti dan mempunyai kredibiliti untuk tujuan kajian.

Selanjutnya, data kajian dikumpul menggunakan tiga kaedah utama atau tringulasi iaitu soal selidik, temu bual, dan pemerhatian. Sebelum soal selidik dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menemu bual responden untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan pengetahuan peribahasa dan penggunaan peribahasa dalam wacana penulisan mereka. Di samping itu, pengkaji menjalankan pemerhatian terhadap responden semasa mereka menjawab soal selidik. Data yang diperolehi melalui temu bual dan soal selidik dianalisis secara kuantitatif dan kualitatif. Dalam kajian ini pengetahuan makna peribahasa dalam kalangan pelajar diukur menggunakan soalan soal selidik dan temu bual. Teori yang mendasari kajian ini ialah teori Konstruktivisme (1966).

Mengikut teori Konstruktivisme (1966), pembelajaran merupakan satu proses yang aktif apabila pelajar membina pengetahuan atau konsep baharu berasaskan pengalaman. Pelajar membina perspektif alamnya sendiri melalui pengalaman dan skema. Fokus ahli konstruktivis adalah menyelesaikan masalah yang tidak jelas. Pendekatan ini menyatakan seseorang membina realiti mereka sendiri secara ekspositori atau mentafsir realiti berasaskan pengalaman mereka. Mereka membina sesuatu pengetahuan mengikut pengalaman mereka masing-masing. Minda berfungsi sebagai medium yang akan menapis input yang didapati dari dunia luar untuk membina realiti atau kefahamannya sendiri. Penerimaan terhadap input pengalaman adalah secara deduktif iaitu membina konstruk secara menyusun maklumat daripada keseluruhan kepada spesifik.

Pendekatan konstruktivisme mengemukakan beberapa prinsip, antaranya seseorang itu membina pengetahuan yang baru dengan cara

mereflek tindakan fizikal dan mental mereka. Seseorang itu cuba mendapat pemahaman tentang pengalaman baru mereka dan fenomena dengan cara membentuk atau membina makna tentang perkara atau sesuatu fenomena tersebut. Mereka juga mengasimilasikan idea baru atau menyesuaikan (*accommodate*) idea yang sedia ada. Dengan yang demikian makna peribahasa yang diungkapkan dapat dilihat sebagai sebagai pengubahan idea, pembinaan dan penerimaan idea baru, dan penstrukturan semula idea sedia ada.

Teori konstruktivisme juga mengatakan bahawa seseorang membina makna tentang dunia dengan mensintesis iaitu menyatu, menggabung dan memadukan pengalaman baharu kepada sesuatu yang mereka telah fahami sebelum ini. Mereka membentuk peraturan melalui refleksi tentang interaksi mereka dengan objek dan idea. Apabila mereka bertemu dengan objek, idea atau perkaitan yang tidak bermakna kepada mereka, mereka akan sama ada menginterpretasi apa-apa yang mereka lihat supaya sesuai dengan peraturan yang mereka telah bentuk. Mereka akan menyesuaikan peraturan mereka agar mereka dapat menerangkan maklumat baharu ini dengan lebih baik. Sebagai contoh apabila pelajar diberikan tajuk penulisan “Kemalangan jalan raya disebabkan sikap pemandu”, pelajar dapat mengaitkan sikap pemandu dengan peribahasa yang sudah sedia ada dalam kognisi atau dalam pengalaman mereka seperti “Malang tidak berbau”, Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna” “Biar lambat asalkan selamat” dan sebagainya.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Daripada Jadual 1, sebanyak 21 buah sekolah dipilih daripada jumlah keseluruhan sekolah menengah di negara ini dan dikelompokkan kepada lima jenis sekolah berdasarkan maklumat daripada Unit Data, Kementerian Pelajaran Malaysia. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 847 orang, iaitu 153 orang (18.1%) mewakili SBPI, 175 orang (20.7%) mewakili SMKA, 173 orang (20.4%) mewakili SMT, sebanyak 209 orang (24.7 %) mewakili SMK dan sebanyak 137 orang (16.2 %) yang mewakili SMK (F). Dari segi jantina, sebanyak 403 orang (47.6 %) adalah pelajar lelaki dan 444 orang (52.4 %) adalah pelajar perempuan.

Taburan sampel adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Profil Latar belakang Responden

Jenis Sekolah	Pemilihan sekolah	Pemilihan Sampel	Peratus
SBPI	4	153	18.1
SMKA	4	175	20.7
SMT	4	173	20.4
SMK	5	209	24.7
SMK(F)	4	137	16.2
Jumlah	21	847	100
Jantina	Lelaki	403	47.6
	Perempuan	444	52.4
Jumlah		847	100

Penguasaan Makna Peribahasa

Daripada soal selidik didapati penguasaan bahasa Melayu responden adalah sederhana (70.0 %, min 1.74) . Hal ini ada kaitannya dengan pengetahuan makna peribahasa dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian mendapati responden kajian yang terdiri daripada pelajar sekolah menunjukkan tahap pengetahuan peribahasa dan makna peribahasa yang sederhana. Berdasarkan Jadual 2, daripada 847 responden, sebanyak 155 orang sahaja (18.3 %) yang meletakkan tahap cemerlang dalam pengetahuan makna simpulan bahasa (min=1.85, sp=0.440), sebanyak 101 orang (11.9 %) cemerlang dalam pengetahuan makna perumpamaan (min 1.97, sp=0.454), tetapi hanya 35 orang (4.1%) yang meletakkan tahap cemerlang dalam pengetahuan makna bidalan (min= 2.21, sp= 0.499), sebanyak 102 orang (12.0%) cemerlang dalam menguasai makna pepatah (min= 1.99, sp=0.480) dan 127 orang (15.0%) yang meletakkan cemerlang dalam penguasaan makna kata-kata hikmat (min=2.01, sp 0.554). Hal ini dapat dijelaskan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Penguasaan Makna Peribahasa Dalam Kalangan Pelajar Sekolah

	Kategori	Frekuensi	Peratus	Min	SP
Penguasaan BM	Cemerlang	239	28.2	1.74	0.480
	Sederhana	593	70.0		
	Kurang cemerlang	15	1.8		
Pengetahuan Makna Simpulan bahasa	Cemerlang	155	18.3	1.85	0.440
	Sederhana	664	78.4		
	Kurang	28	3.3		

		cemerlang			
Pengetahuan Makna Perumpamaan	Cemerlang	101	11.9	1.97	0.454
	Sederhana	672	79.3		
	Kurang cemerlang	74	8.7		
Pengetahuan Makna Bidalan	Cemerlang	35	4.1	2.21	0.499
	Sederhana	599	70.7		
	Kurang cemerlang	213	25.1		
Pengetahuan Makna Pepatah	Cemerlang	102	12.0	1.99	0.480
	Sederhana	652	77.0		
	Kurang cemerlang	93	11.0		
Pengetahuan Makna Kata-kata Hikmat	Cemerlang	127	15.0	2.01	0.554
	Sederhana	587	69.3		
	Kurang cemerlang	133	15.7		

Hasil temu bual pengkaji dengan beberapa orang responden, didapati bahawa pelajar sekolah sendiri menyedari akan tahap pengetahuan makna peribahasa yang sederhana dalam kalangan mereka. Pelajar sekolah didapati lebih mengetahui makna simpulan bahasa dan perumpamaan kerana simpulan bahasa dan perumpamaan lebih awal didedahkan di rumah dan di sekolah. Tambah lagi kedua-dua jenis peribahasa ini banyak berkisar tentang kehidupan seharian mereka berbanding bidalan, pepatah dan kata-kata hikmat yang banyak menyentuh tentang falsafah, adat, dan amalan dalam kehidupan bermasyarakat. Disebabkan makna dan mesej yang disampaikan melalui bidalan, pepatah dan kata-kata hikmat ini lebih menekankan makna kehidupan di peringkat masyarakat, institusi dan negara, maka ketiga-tiga peribahasa ini kurang didedahkan di peringkat keluarga untuk dikuasai oleh pelajar sekolah berbanding dengan simpulan bahasa dan perumpamaan.

Sebagai kesimpulan, tahap pengetahuan makna peribahasa yang sederhana dalam kalangan pelajar sekolah akan menyukarkan malah menghalang pelajar sekolah daripada menggunakan peribahasa dalam aktiviti pembelajaran bahasa dan dalam proses komunikasi bagi meningkatkan keterampilan berbahasa mereka. Oleh yang demikian, usaha-usaha untuk membudayakan peribahasa dalam kehidupan pelajar harus ditingkatkan lagi melalui aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa dan juga melalui aktiviti-aktiviti persatuan di sekolah dan di luar sekolah.

Pengetahuan Peribahasa dan Makna

Daripada soal selidik didapati pengetahuan pelajar sekolah tentang peribahasa dari aspek nilai yang terkandung dalam makna peribahasa juga adalah sederhana. Malah pelajar juga kurang bersetuju bahawa nilai ekonomi dan ilmu sains ada diungkapkan dalam peribahasa.

Daripada Jadual 3a didapati, pengetahuan pelajar tentang aspek nilai dalam peribahasa adalah tidak menyeluruh. Pelajar menyatakan lebih banyak setuju dengan peribahasa yang mengungkapkan nilai kemanusiaan, kemasyarakatan dan budaya berbanding nilai keagamaan, ekonomi serta sains dan teknologi. Hasil kajian mendapati 93.2 % responden menyatakan setuju bahawa peribahasa ada mengungkapkan nilai kemanusiaan (min= 4.50, SP = 0.680), 94.9 % responden bersetuju bahawa peribahasa turut mengungkapkan nilai kemasyarakatan (min= 4.49, SP = 0.699), dan 87.4 % responden yang menyatakan setuju bahawa peribahasa ada mengungkapkan nilai adat dan budaya (min= 4.31, SP = 0.815). Bagaimanapun sebanyak 71.2 responden yang bersetuju bahawa peribahasa ada mengungkapkan nilai keagamaan (min= 4.03, SP = 0.854), diikuti 42.8 % responden yang bersetuju bahawa peribahasa ada mengungkapkan nilai ekonomi (min= 3.20, SP = 0.948) dan hanya 28.1 % responden yang bersetuju bahawa peribahasa ada mengungkapkan nilai ilmu sains dan teknologi (min= 3.33, SP = 0.819). Hal ini menampakkan bahawa peranan peribahasa dalam menyampaikan pengajaran kepada ahli masyarakat difahami oleh pelajar sekolah. Dengan perkataan lain, kajian ini turut memperlihatkan bahawa pelajar memahami dan menerima peranan peribahasa Melayu sebagai wadah untuk menyampaikan pengajaran dan menerapkan nilai-nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan. Hal ini bertepatan dengan penciptaan peribahasa itu sendiri yang berperanan sebagai elemen pendidikan secara tidak langsung dalam kalangan masyarakat Melayu dahulu dan sekarang.

Namun, ketidakfahaman pelajar sekolah tentang peranan peribahasa dalam mengungkapkan nilai keagamaan, ekonomi serta sains dan teknologi menonjolkan bahawa masyarakat Melayu tidak membuat penelitan yang mendalam terhadap makna dan peranan peribahasa secara menyeluruh dalam kalangan masyarakatnya. Dengan yang demikian, soalan yang menyentuh tentang nilai keagamaan, ekonomi serta sains dan teknologi, iaitu A4, A5 dan A6 mencatat peratusan sangat bersetuju dan bersetuju yang paling rendah. Hal ini juga secara tidak langsung membuktikan bahawa kefahaman pelajar tentang peribahasa adalah yang berkaitan dengan kehidupan bermasyarakat sahaja dan kefahaman ini adalah berdasarkan tujuan peribahasa itu dicipta. Dapatan kajian ini juga menjelaskan bahawa faktor persekitaran sosial, pematangan melalui pengalaman dan kognisi memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengetahuan peribahasa. Dengan perkataan lain persekitaran luaran dan pendidikan ibu bapa serta

faktor bawaan semula jadi turut memainkan peranan yang sama penting dalam meningkatkan pengetahuan peribahasa dalam kalangan para pelajar.

Di samping itu, ketidakfahaman pelajar tentang peribahasa yang menonjolkan nilai ilmu juga adalah berkaitan dengan ketiadaan penelitian yang mendalam dan menyeluruh terhadap makna peribahasa. Dengan demikian, pelajar tidak dapat membina pengetahuan yang baru dengan cara mereflek tindakan fizikal dan mental mereka terhadap peribahasa yang mempunyai nilai ilmu. Oleh itu mereka tidak dapat menghubungkan kait ilmu baru kepada pengetahuan sedia ada, dan tidak dapat menyusun atur maklumat daripada pengalaman dengan peribahasa yang baru dipelajari. Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa pelajar sekolah hanya mempelajari dan mewarisi peribahasa yang lazim digunakan dalam kehidupan mereka dan dalam kalangan masyarakat. Sementara itu dapatan temu bual juga mendapati ahli keluarga dan pelajar sekolah sendiri kurang menghayati dan menilai peribahasa secara keseluruhan. Pengetahuan peribahasa dalam kalangan pelajar sekolah ini digambarkan dalam Jadual 3a yang berikut:

Jadual 3a: Pengetahuan Peribahasa dalam Kalangan Pelajar Sekolah

Item	Peratus					Min	SP
	5	4	3	2	1		
A1 –ada mengungkapkan nilai kemanusiaan	53.5	39.7	6.1	0.7	0	4.5 0	.68 0
A2- ada mengungkapkan nilai kemasyarakatan	57.9	37.0	4.7	0.5	0	4.4 9	.69 9
A3- ada mengungkapkan nilai adat dan budaya Melayu	47.5	39.9	11.9	0.6	0.1	4.3 1	.81 5
A4- ada mengungkapkan nilai ekonomi	10.3	32.5	43.9	10. 3	3.1	3.2 0	.94 8
A5-ada mengungkapkan nilai ilmu keagamaan	29.2	42.0	24.4	3.9	0.5	4.0 3	.85 4
A6- ada mengungkapkan nilai ilmu sains dan teknologi	7.8	20.3	57.4	11. 7	2.8	3.3 3	.81 9

Nota : 1 = Sangat tidak setuju 2 = Tidak setuju 3 = Tidak pasti
4 = Setuju 5 = Sangat Setuju

Selanjutnya, dapatan kajian (Jadual 3b) juga menunjukkan sebanyak 36.7 % responden sangat bersetuju dan 48.1 % bersetuju dengan item A7, iaitu peribahasa mempunyai makna yang sinonim, (min=4.23, SP=0.774), 28.3 % responden sangat bersetuju dan 43.8 % bersetuju dengan item A8 iaitu peribahasa mempunyai makna yang antonim (min=4.10, SP=0.833), dan 78.6 % responden sangat bersetuju dan 18.9 % bersetuju dengan item A9, iaitu peribahasa mempunyai makna pengajaran (min=4.82, SP=0.506). Daripada

kajian ini terbukti bahawa pelajar mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang peribahasa sebagai wadah untuk menyampaikan pengajaran kepada masyarakat. Peratusan bersetuju yang tinggi dalam kalangan responden ini adalah sejajar dengan pendapat Hamilton (1947) yang menyatakan bahawa dalam masyarakat Melayu, peribahasa menjadi hukum adat dan nasihat moral serta peraturan dalam mengawal tindak tanduk anggota masyarakatnya tetapi tidak dinyatakan secara terperinci peribahasanya.

Berdasarkan Jadual 3b, juga didapati sebanyak 46.9 % responden sangat bersetuju dan 40.9 % bersetuju dengan item A10, iaitu peribahasa menyingkapkan falsafah hidup (min= 4.53, SP = 0.639). Seterusnya 54.5 % responden sangat bersetuju dan 39.3 % bersetuju dengan item A12 iaitu peribahasa turut menonjolkan aspek budaya bangsa yang santun (min=4.49, SP=0.689), manakala sebanyak 55.3 % responden sangat bersetuju dan 34.0 % bersetuju dengan item A14, iaitu makna peribahasa disampaikan secara tersirat (min=4.82, SP=0.506) dan 51.0 % responden sangat bersetuju dan 40.3 % bersetuju dengan item A15 iaitu makna peribahasa juga disampaikan secara tersurat (min=4.48, SP=0.689).

Bagaimanapun hanya 34.08 % responden yang sangat bersetuju dan 34.2 % bersetuju dengan item A11 iaitu peribahasa menonjolkan aspek kognitif yang tinggi (min=4.07, SP=0.911) manakala 38.4 % responden sangat bersetuju dan 40.9 % bersetuju responden yang bersetuju dengan item A13 iaitu peribahasa menonjolkan aspek penaakulan dan persepsi bangsa Melayu terhadap alam keliling (min=4.27, SP=0.837) . Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa pengetahuan peribahasa dalam kalangan pelajar sekolah sangat terbatas. Setakat usia pelajar, mereka mempunyai pengetahuan peribahasa yang berkisar di sekitar kehidupan mereka iaitu peribahasa yang diajarkan di sekolah dan peribahasa yang sering diungkapkan dalam kehidupan sehari-hari sama ada yang didengar daripada media ataupun yang diungkapkan dalam kalangan ahli masyarakat. Aspek abstrak yang terkandung dalam peribahasa belum diketahui secara mendalam dan menyeluruh kerana kurang pendedahan dan kajian tentangnya. Pengetahuan peribahasa dalam kalangan pelajar sekolah ini tergambar dalam Jadual 3b (Item A7-A15) yang berikut;

Jadual 3b: Pengetahuan Peribahasa dalam Kalangan Pelajar Sekolah

Item		Peratus					Min	SP
		5	4	3	2	1		
A7-mempunyai makna yang sinonim		36.7	48.1	13.6	1.4	0.2	4.2 3	.77 4
A8-mempunyai makna antonim		28.3	43.8	23.7	3.0	1.2	4.1 0	.83 3
A9-mempunyai makna pengajaran		78.6	18.9	2.1	0.2	0.1	4.8 2	.50 6
A10-	menyingkap	46.9	40.9	11.6	0.6	0.1	4.5	.63

falsafah hidup						3	9
A11 menonjolkan aspek kognitif yang tinggi	34.8	34.2	26.9	3.5	0.5	4.0	.91
A12-menonjolkan aspek budaya bangsa yang santun	54.5	39.3	5.4	0.7	0	4.4	.68
A13-menonjolkan aspek penaakulan dan persepsi bangsa Melayu terhadap alam keliling.	38.4	40.9	18.3	2.1	0.4	4.2	.83
A14-makna disampaikan secara tersirat	55.3	34.0	9.3	1.2	0.2	4.5	.70
A15-makna disampaikan secara tersurat	51.0	40.3	7.4	1.2	0.1	4.4	.68
						8	9
Nota : 1 = Sangat tidak setuju 2 = Tidak setuju 3 = Tidak pasti 4 = Setuju 5 = Sangat Setuju							

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian ini membuktikan bahawa peribahasa difahami oleh pelajar sebagai wadah untuk mengungkapkan mesej pengajaran, menyampaikan nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan. Hal ini sekali gus membenarkan penciptaan peribahasa dalam kalangan masyarakat Melayu adalah bertujuan untuk mendidik ahli masyarakat melalui mesej dan pengajaran yang disampaikan secara tersurat dan tersirat. Bagaimanapun pengetahuan pelajar tentang peribahasa dan maknanya yang menyentuh tentang nilai ilmu keagamaan, ekonomi dan sains dan teknologi masih terbatas atau belum dikuasai sepenuhnya. Oleh itu, pelajar tidak dapat mengasimilasikan idea yang baru diterima dan menyesuaikan dengan idea yang sedia ada. Justeru apabila ditanyakan tentang aspek peribahasa yang tidak ada dalam pengalaman sedia ada pelajar, mereka juga didapati tidak dapat membina dan menstrukturkan semula idea baru tentang peribahasa dengan pengalaman sedia ada. Hal ini menyebabkan tidak ramai pelajar yang dapat memahami makna peribahasa yang berkaitan dengan ketiga-tiga bidang ilmu ini. Malah fikiran pelajar juga didapati belum mampu menjangkau lebih jauh dan mendalam untuk menyingkap makna peribahasa yang mengandungi mesej yang abstrak seperti tentang falsafah hidup, persepsi dan proses penaakulan dalam penciptaan peribahasa dalam masa yang singkat. Pelajar hanya menkonstruk berdasarkan pengalaman mereka yang terbatas. Dengan itu mereka tidak dapat memadukan pengalaman baharu kepada sesuatu yang mereka telah fahami sebelum ini.

Selain itu, ketiadaan pengkajian yang mendalam tentang sumbangan peribahasa dalam pembangunan masyarakat dari segi ilmu agama, ekonomi dan sains dan teknologi, turut memberi kesan kepada pelajar. Pelajar tidak dapat membentuk atau membina makna peribahasa yang berkaitan dengan ilmu agama, ekonomi dan sains dan teknologi kerana makna peribahasa yang bertemakan ilmu keagamaan, ekonomi serta sains dan teknologi dilihat sebagai satu idea yang baru, dan pelajar perlukan pengalaman untuk membina makna

dan menstrukturkan berdasarkan pengalaman mereka. Sehubungan itu usaha-usaha untuk menambahkan pengalaman pelajar melalui pengkajian dan pendedahan pelbagai makna peribahasa dapat melestarikan peribahasa dalam kalangan generasi muda di peringkat sekolah dan masyarakat.

Pengetahuan Makna Peribahasa Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Mengikut Jantina

Ujian t telah digunakan untuk mengetahui perbezaan pengetahuan peribahasa mengikut jantina, iaitu antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Berdasarkan Jadual 4 secara keseluruhannya didapati terdapat perbezaan yang signifikan ($t=-9.570$, $p=0.000$) dari segi pengetahuan peribahasa dan makna peribahasa antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan yang dikaji. Pelajar lelaki didapati lebih tinggi (min 1.74) pengetahuan peribahasa dan makna peribahasa berbanding pelajar perempuan (min 1.73).

Jadual 4 Penguasaan Peribahasa Mengikut Jantina

Jantina	N	Purata	Nilai t	Nilai Sig
L	403	1.74	-9.570	0.000
P	444	1.73		

$P < 0.05$ terdapat perbezaan yang signifikan

Secara terperinci, daripada 20 item yang ditanya, didapati tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam 11 item. Item yang menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan adalah tentang pengetahuan simpulan bahasa ($t=.223$, $p=0.824$), pengetahuan perumpamaan ($t= -.933$, $p=0.351$), pengetahuan pepatah ($t=2.485$, $p=0.013$), dan makna kata-kata hikmat ($t= 2.759$, $p=0.006$). Hasil kajian juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam item A4 iaitu peribahasa yang mengungkapkan nilai ekonomi ($t=-2.312$, $p=0.021$), item A5, iaitu peribahasa yang mengungkapkan nilai ilmu keagamaan ($t=-1.280$, $p=0.201$), item A6, iaitu peribahasa yang mengungkapkan nilai ilmu sains dan teknologi ($t= -.954$, $p=0.340$), item A10, iaitu peribahasa yang menyingkap falsafah hidup ($t= -2.142$, $p=0.033$), item A11, peribahasa yang menonjolkan aspek kognitif yang tinggi ($t= -.969$, $p=0.333$), item A13, iaitu peribahasa yang menonjolkan aspek penaaakulan dan persepsi bangsa Melayu terhadap alam keliling ($t= -1.563$, $p=0.118$), dan dengan item A14 iaitu peribahasa yang disampaikan secara tersirat ($t= -2.434$, $p=0.015$). Sebagai rumusan pelajar lelaki dan pelajar perempuan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan terhadap peribahasa yang berkaitan dengan nilai ilmu dan peribahasa yang mengandungi mesej yang abstrak seperti tentang falsafah hidup, persepsi dan proses penaaakulan dalam penciptaan peribahasa.

Bagaimanapun, kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dari segi pengetahuan

peribahasa dan maknanya dalam 9 item. Item yang menunjukkan perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan adalah dari segi penguasaan makna bidalan ($t=3.78$, $p=0.00$). Pelajar lelaki didapati lebih tinggi pengetahuan mereka tentang makna bidalan berbanding pelajar perempuan. Walau bagaimanapun, pelajar perempuan menunjukkan pengetahuan yang lebih tinggi terhadap makna peribahasa yang menonjolkan nilai-nilai kemanusiaan (item A1) berbanding pelajar lelaki ($t=-4.62$, $p=0.00$) dan item A2 iaitu peribahasa yang mempunyai nilai kemasyarakatan ($t=-4.084$, $p=0.000$). Seterusnya, terdapat juga perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam menguasai makna peribahasa yang mempunyai makna yang sinonim A7 ($t=-3.179$, $L p= 0.001$, $P p=0.002$), peribahasa yang mempunyai makna antonim iaitu A8 ($L \& P$, $t = -3.489$, $p=0.001$), A9 peribahasa yang mempunyai makna pengajaran ($t= -2.839$, $L p=0.004$, $P p=0.005$), peribahasa yang ada menonjolkan budaya santun A12 ($t= -3.167$, $L p=0.001$, $P p=0.002$) dan makna peribahasa yang disampaikan secara tersurat A15 ($t= -2.849$, $L p=0.004$, $P p=0.005$).

Sebagai kesimpulan, pelajar lelaki menunjukkan tahap pengetahuan makna peribahasa yang lebih baik berbanding pelajar perempuan. Hal ini ada kaitan dengan sikap dan kecenderungan pelajar lelaki membentuk peraturan dan pengalaman melalui refleksi dan interaksi mereka dengan sesuatu objek dan idea. Hasil pemerhatian pengkaji, didapati pelajar lelaki mempunyai akses yang lebih untuk menimba pengalaman dalam menyelesaikan masalah di luar kelas. Di samping itu, pelajar lelaki juga cenderung menggunakan pendekatan holistik dan memvisualisasikan seluruh objek sekali gus dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi.

Implikasi Dapatan Kajian

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah akan bermakna jika semua aspek tatabahasa yang diajarkan dikuasai oleh pelajar (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2010). Pelajaran peribahasa harus diajar dalam setiap kemahiran bahasa supaya pelajar dapat meningkatkan pengetahuan mereka tentang makna peribahasa untuk diaplikasikan dalam wacana penulisan mereka, sekali gus meningkatkan keterampilan berbahasa dalam kalangan pelajar. Selain itu, untuk meningkatkan penggunaan dan penguasaan makna peribahasa, pembelajaran bahasa di sekolah harus disampaikan menggunakan pendekatan yang menyeluruh melibatkan aktiviti lisan, bacaan dan penulisan. Hal ini demikian kerana khazanah Melayu hasil peninggalan nenek moyang orang Melayu dahulu perlu dipelihara dan dilestarikan oleh generasi muda untuk diwarisi oleh generasi akan datang kerana peribahasa Melayu ini sarat dengan nilai-nilai murni dan nilai-nilai budaya yang meliputi geobudaya Melayu itu sendiri.

Kesimpulan

Peribahasa Melayu merupakan satu susunan bahasa yang menarik dan indah, mengandungi unsur pemikiran dan falsafah bangsa Melayu yang disampaikan secara 'berlapik dan berkias' dan bersopan santun. Oleh itu, pemahaman dan pendedahan yang serius terhadap peribahasa dan maknanya dapat membantu pelajar mengeluarkan idea yang bernas dan berkualiti menggunakan pemikiran yang tinggi dan berfalsafah sekali gus menonjolkan aspek kesopanan dalam berbahasa. Hal ini dapat membantu pelajar berkomunikasi dengan berhemah sambil memberikan idea bersulamkan bahasa yang indah, krestif, padat dan ringkas.

RUJUKAN

A. Khaled Mat Nor (2008). *Peribahasa SPM*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Abdullah Hussain (1982). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ariffin Nur (1966) *Sastera Melayu Lama*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press

Bahiyah Dato' Hj Abdul Hamid dan Hafriza Burhanudeen (1998). *Men and Women in Malay Proverb: An Analysis of Malay Gender Ideology*. dlm. Sharifah Zaleha Syed Hassan dan Rashila Ramli. ed. *Kedudukan dan Citra Wanita dalam Sumber-sumber Tradisional Melayu*. Bangi: UKM

Fontana, A. & Frey, J. (2003). The interview: From structured questions to negotiated text. In N. Denzin & Y. Lincoln (Eds.). *Handbook of Qualitative Research Second Edition*, pp. 645-672. Thousand Oaks, CA: Sage.

Fresko, B. and Nasser, F. (1997). Predicting teacher commitment. *Teaching and teacher Education*. 13 (4): 429-438.

Hamilton A.W (1947). *Malay Proverbs*. Singapore: Eastern Universiti Press Ltd.
Hyde, J. S., & Linn, M. C. (1988). Gender differences in verbal ability: A meta-analysis. *Psychological Bulletin*, 104, 53-69.

Indrawati Zahid (1998). *Peribahasa Melayu: Satu Klasifikasi yang Tiada Penentu*. Kuala Lumpur: Jurnal Dewan Bahasa, Jilid 42, (11) : hlm 978-984

J.S. Badudu. (2008). *Kamus Peribahasa: Memahami Arti dan Kiasan Peribahasa, Pepatah dan Ungkapan*. Jakarta: Penerbit Kompas.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007) *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*, dpd <http://www.markosweb.com/www/emoe.gov.my/> 9(2 Feb 2011)

Mohd Sharani Mohamad (2000). *1001 Peribahasa Melayu*. Singapore: System Publishing House Pte.Ltd

Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan. (2010). "Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu". *Jurnal Linguistik* , Jilid 10 (Edisi Khas): 158-172.

Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: a skill building approach*. Ed. 4 edition. New York: John & Wiley.

Shellabear W. G. & Guru Sulaiman Muhammad Nor (1964). *Kitab Kiliran Budi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara

Winstedt, R.O (1950). *Malay Proverb*. London: John Murray.

Zaitul Azma Zainon Hamzah (2010). "Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah Menengah". *Jurnal Linguistik* , Jilid 10 (Edisi Khas): 62-82

Zamri Mahamod, Mohamed Amin Embi dan Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff (2010). "*Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar Cemerlang*". *Pancadimensi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa: Trend dan Amalan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia